

Jepun komited dalam pemuliharaan alam sekitar

Mohd Azis Ngah

azis@bharian.com.my



KETIKA rakyat di Malaysia dilihat cukup liat menghulurkan sokongan serta mempunyai seribu dalih dalam mengekalkan ekosistem, rakyat Jepun sebenarnya sudah lama melakukannya tanpa mengharapkan subsidi atau bantuan kerajaan.

Mereka melakukan secara sukarela, atas kesedaran pentingnya mengekalkan ekosistem yang baik dan hikmahnya ialah usaha mereka akhirnya diiktiraf banyak pihak termasuk kerajaan sendiri atau dunia luar. Itulah yang dikatakan kerja yang baik akan menerima balasan baik, bukannya mengharapkan sesuatu balasan atau imbuhan awal, barulah usaha akan lebih berjaya.

Satu contoh mudah membuatkan penulis kagum dengan rakyat Jepun ialah bagaimana sebuah hotelnya, Hotel New Otani di Tokyo melakukan usaha guna semula barang terpakai sejak puluhan tahun lalu. Hasilnya mereka menjimatkan kos pengurusan dan penyelenggaraan yang mencecah jutaan ringgit setiap tahun.

Mereka memproses sendiri semua sisa makanan dan sampah yang dikumpul dengan mengasingkannya mengikut kategori. Antaranya ialah sisa makanan, kertas, botol kaca dan plastik, tin atau bahan aluminium, mahupun sisa minyak.

Bak kata Pengurus Kemudahan Hotel New Otani, Masami Yamamoto, berus gigi terpakai sebenarnya masih berguna kerana ia masih boleh digunakan untuk mencuci mangkuk tandas.

Katanya, kerajaan tempatan Tokyo membelanjakan kira-kira RM12 juta setahun untuk menguruskan sisa pepejal negara, jadi rakyat patut menyokong kerajaan mengurangkan kos perbelanjaan itu dengan menguruskan sendiri sisa pepejal atau mengurangkan jumlah sampah.

Di Hotel New Otani saja, dianggarkan 4,500 tan sampah dihasilkan sehari dan menjadi tanggungjawab mereka memastikan semua sisa itu diguna semula ke tahap maksimum.


"Kira-kira 45 peratus sisa pepejal yang dihasilkan sehari ialah sisa makanan. Kami akan proses semula sisa itu. Kebanyakannya diproses menjadi baja kompos yang boleh digunakan untuk pertanian.

"Kami mempunyai kontrak dengan petani, mereka bekalkan sayuran kepada hotel dan kami akan berikan mereka baja kompos secara percuma. Jadi, kedua-dua pihak mendapat manfaatnya," katanya.

Ketika rombongan media dan wakil Honda Malaysia dibawa melawat kawasan memproses sisa pepejal itu, kami cukup kagum melihat bagaimana ia beroperasi. Kedudukannya hanya di bangunan bersebelahan blok utama hotel. Dari luar, tiada siapa menyangka di situ sebenarnya terletak kilang kecil memproses sampah milik Hotel New Otani. Bersebelahannya tapak pemrosesan air guna semula menempatkan beberapa kolam memproses serta tangki air besar.

Air di kolam itu cukup keruh dan kotor, menariknya ia langsung tidak berbau busuk kerana diproses menggunakan teknologi khas untuk memproses kira-kira 700 tan air terpakai.

Kata Masami, air itu bukannya digunakan semula untuk minuman atau air mandi tetapi boleh digunakan untuk me-



MASAMI menunjukkan perbandingan air terpakai yang diguna semula di Tokyo, baru-baru ini.

nyiram pokok atau air pam tandas.

"Selepas lebih 10 tahun kami melakukan kerja ini, barulah kerajaan menghulurkan subsidi 50 peratus daripada kos penyelenggaraan. Maknanya, usaha kami dihargai dan itulah yang sepatutnya kami lakukan," katanya.

Situasi sama berlaku ketika melawat pusat pemuliharaan hutan Hello Woods, milik Honda Motor di Motegi, kira-kira dua jam perjalanan jalan darat dari bandar raya Tokyo.

Pemilik empayar permotoran Honda itu juga sebenarnya sudah lama terlibat dalam usaha pemuliharaan dan pekekalan alam sekitar tetapi tidak menghebahkan kepada dunia luar.

Atas sebab itulah mereka membina Hello Woods, sebuah kawasan hutan seluas 42 hektar yang dikhaskan untuk pemuliharaan hutan dan haiwan. Ia terbuka kepada orang ramai untuk membuat kajian dan penyelidikan.

Paling penting, di situlah mereka mengajar kanak-kanak mengenai bagaimana alam sekitar berfungsi, pengurusannya secara baik serta kepentingannya kepada manusia.

Penyelidik, Pegawai Hutan dan Pemandu arah Hello Woods, Noa Matsuzaki adalah antara individu yang bertanggungjawab memastikan impian itu perlu dikekalkan.

Antara usahanya termasuk memastikan pokok hutan pelbagai jenis di situ ditebang mengikut kawasan dalam tempoh tertentu sebelum ditanam semula.

Alasannya mudah, kawasan hutan itu perlu mempunyai pokok pelbagai usia, jika dibiarkan pokok hidup terlalu lama, mungkin sebahagian besar pokok di situ akan mati serentak dan hutan akan rosak kerana pokok baru mengambil masa puluhan tahun untuk membesar.

"Kami mempunyai banyak pokok hutan pelbagai usia, ada berusia setahun hingga mencecah ratusan tahun. Ini penting untuk keseimbangan ekosistem. Haiwan juga boleh hidup aman di sini," katanya.

Semua pokok yang ditebang juga akan diguna semula. Sebahagian daripada dahannya akan disusun tegak separas pinggang di sepanjang tebing bukit dan laluan pejalan kaki. Bahagian lain akan dihancurkan dan sisanya akan diletakkan atas laluan pejalan kaki.

Sisa pokok itu dipercayai baik untuk kesihatan manusia dan pada masa sama, haiwan kecil juga boleh hidup di bawahnya.

Bahkan, air sisa tandas awam di puncak bukit di situ juga diproses di tempat sama, diguna semula untuk tanaman tetapi menurut kata Noa, air itu juga sebenarnya selamat untuk diminum kerana sudah diproses dan tidak berbau.

Walaupun yang mereka lakukan terhadap hasil kitar semula itu, ia sebenarnya sangat berkesan dalam mengekalkan ekosistem alam sekitar mereka.

Seronok melihat air sungai yang cukup bersih dan jernih di sekitar Tokyo atau sepanjang laluan ke Motegi dan Hakone.

Jika perkara sama berlaku di Malaysia, sudah tentu ia suatu rahmat besar buat negara. Pokoknya, ia mesti bermula daripada bawah, daripada akar umbi.

Pelajari bagaimana rakyat Jepun mendidik kanak-kanak bahawa setiap yang dimakan mesti dibuang semula dan bagaimana sisa yang dibuang itu boleh diguna semula, sekurang-kurangnya untuk membantu proses pembiakan bakteria.

Penulis menyertai Program Insight Eco Honda di Tokyo baru-baru ini.